

HORIZON

JALAN-JALAN MAKAN ANGIN

Kosmo! • KHAMIS 10 NOVEMBER 2016

Ikuti kami di Kosmo_Online



Putrajaya

Destinasi Ekopelancongan

> Lihat muka 30 & 31

PEBBLE Beach di Presint 5, Putrajaya direka seolah-olah pantai sebenar dengan pemandangan resort menghadap tasik.



WATTANAYA



SYUKRINA

Tarikan Pebble Beach lagun tasik buatan

Kedudukan Putrajaya yang terletak antara Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur memudahkan pelancong dalam dan luar negara mengunjungi pusat pentadbiran kerajaan itu untuk tujuan berlibur.

SEBAIK teksi membelok masuk ke kawasan taman itu, matanya terpegun melihat keindahan binaan mini Astaka Maghribi yang terletak pada pintu masuk ke Taman Botani di Presint 1, Putrajaya.

Chularat Wattanaya, 35, kemudiannya hanya memerhatikan anak lelaki dan perempuannya berlari ke sana ke mari di kawasan taman itu.

"Saya sangat teruja dan seronok sepanjang berada di Putrajaya. Hari ini merupakan hari terakhir kami dapat bersiar-siar di kawasan yang cantik dan tenang ini.

"Saya akan merindui

Putrajaya dan pasti akan kembali untuk melawat tempat lain yang tidak sempat dikunjungi," ujarnya sewaktu ditemui *Kosmo!* pada Sesi Lawatan Bersama Media anjuran Putra Perdana Development (PPD) ke Putrajaya baru-baru ini.

Idea

Antara lokasi lain yang dilawati Wattanaya ialah Jambatan Seri Wawasan dan Masjid Putra yang lebih dikenali sebagai masjid merah jambu dalam kalangan pelancong asing.

Taman Botani Putrajaya itu merupakan sebahagian daripada tarikan ekopelancongan di Putrajaya. Ia merupakan taman botani terbesar di Malaysia dengan keluasan 92 hektar.

Putrajaya merupakan cetusan idea mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohammad sebagai pusat pemerintahan kerajaan baharu bagi menggantikan Kuala Lumpur yang semakin padat.

Ia beroperasi pada 1999 sebelum

diangkat menjadi Wilayah Persekutuan ketiga negara pada tahun 2001 selepas Kuala Lumpur dan Labuan.

Selain itu, lokasi strategiknya yang terletak di antara pusat bandar raya Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) menjadikan Putrajaya mudah diakses warga tempatan dan pelancong asing.

Seiring masa berlalu, pembangunan di Putrajaya menjadi semakin pesat. Pertambahan binaan monumen tarikan pelancongan serta pusat rekreasi menjadikan Putrajaya kini bukan sekadar pusat pemerintahan kerajaan malah, menjadi salah satu lokasi kunjungan wajib ke Malaysia selain Menara Berkembar Petronas.

Justeru, peluang untuk mengikuti sesi lawatan tersebut tidak dilepaskan oleh Syukrina Mokhtar, 26. Biarpun bukan kali pertama berkunjung ke Putrajaya yang turut mendapat jolokan bandar dalam taman itu, dia tetap berasa kagum dan teruja.

"Selama ini, saya rasakan sudah cukup mengenali Putrajaya dan kawasan

menarik di dalamnya. Namun, jangkaan saya ternyata meleset.

Pantai buatan

"Banyak lokasi menarik yang tidak pernah saya tahu kewujudannya seperti pantai, sudut tinjau dan tarikan yang terdapat di taman sekitar Putrajaya. Sebelum ini saya hanya mengenalinya sebagai pusat pentadbiran dan lokasi beli-belah di Alamanda," jelasnya yang sedang menanti kehadiran cahaya mata sulung tidak lama lagi.

Ditanya tentang lokasi yang paling disukainya, Syukrina menjawab Pebble Beach di Kompleks Sukan Air Presint 5.

"Saya tahu Putrajaya dilitupi tasik buatan yang luas. Namun, tidak sangka di sini juga terdapat pantai buatan manusia. Walaupun kecil, suasana dan landskapnya yang direka mirip pantai sebenar cukup membangkitkan rasa damai lewat mata memandang," katanya.

Pebble Beach merupakan lagun tasik sepanjang 100 meter yang terdapat di Presint 5. Deretan pokok kelapa ditanam pada hamparan pasir yang

KHIDMAT kereta bugi yang boleh memuatkan sehingga tujuh orang disediakan untuk pengujiung Taman Warisan Petanian.





PEMINAT boleh melakukan aktiviti sukan air di Kompleks Sukan Air.



PERTANDINGAN Bunga Api Antarabangsa yang diadakan di Putrajaya boleh dilihat dengan jelas dari PICC.

memutih. Kawasanya yang lapang juga membuatkan air bertuip lembut seolah-olah berada di pantai sebenar.

Lokasinya yang terletak di Kompleks Sukan Air berhampiran Marina Putrajaya dan Hotel Pullman, satu-satunya hotel bertaraf tujuh bintang di Malaysia, membolehkan pengunjung menikmati pemandangan tasik menghijau yang luas terbentang.

Menara mewah

Pada bahagian kiri bersebelahan astaka sukan air pula terdapat menara media yang direka mirip hotel mewah Dubai, Burj al-Arab.

Jika selama ini warga kota lebih mengenali Bukit Ampang sebagai destinasi menikmati pemandangan malam yang indah, kini landskap sama juga boleh dinikmati di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Tidak hanya berfungsi sebagai pusat persidangan, bangunan yang terletak di atas bukit dan direka berdasarkan bentuk Pending Perak, iaitu reka bentuk kepala tali pinggang pakaian rasmi Yang di-Pertuan Agong itu juga menawarkan pemandangan mengagumkan.

"Saya suka menikmati pemandangan hijau dan binaan bangunan di sekitar PICC yang memukau. Sambil ditemani bayu lembut, saya dapat melihat dengan jelas pemandangan tasik yang indah,



NASIHAH

Jambatan Seri Gemilang serta kampus hijau Universiti Harriot Watt Malaysia," kata Syukrina.

Hakikatnya, tidak ramai yang mengetahui bahawa PICC juga terbuka kepada orang awam untuk menikmati pemandangan bermandikan cahaya lampu dan bulan pada waktu malam.

Menjelang tengah hari, rombongan dibawa ke Taman Warisan Pertanian bagi menikmati hidangan tengah hari di Medan Selera Penangghah sebelum dibawa melawat sekitar kawasan kebun dengan menaiki

kereta bugi. Terdapat lebih 180 jenis pokok di taman itu termasuk buah-buahan dan tanaman. Selain itu, terdapat lebih 1,400 pokok getah daripada 71 klon yang merupakan tanaman asal setempat iaitu Prang Besar sebelum ia dibangunkan menjadi Putrajaya. Malah, di situ juga terdapat beberapa petak

sawah padi mini untuk tatapan pengunjung.

"Taman Warisan Pertanian bersifat pusat pembelajaran amali di tempat terbuka. Pengunjung yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar sekolah akan didedahkan dengan beberapa kaedah pertanian seperti menanam dan menuai padi, menoreh getah serta bercucuk-tanam.

"Selain itu, pada setiap hujung bulan juga akan diadakan jualan produk hortikultur di Bazar Warisan untuk orang awam," jelas koordinatornya, **Nasihah Md. Jalal Fahmey, 23.**

INFO Wilayah Persekutuan Putrajaya

- Nama asal: Prang Besar
- Pembentukan: 19 Oktober 1995
- Disatukan ke dalam Wilayah Persekutuan: 1 Februari 2001
- Ditadbir oleh: Perbadanan Putrajaya
- Kepadatan: 72,413 penduduk
- Keluasan: 3,237 hektar
 - Moto: Bandar raya taman, Bandar raya bestari



KERETA elektrik Ecoride di Dataran Putrajaya ini untuk sewaan pelancong.

Konsep hijau dalam setiap projek pembangunan

UMUM mengenali Putrajaya sebagai pusat pemerintahan kerajaan berpusat yang menggunakan hampir 90 peratus kepakaran tempatan dalam pembinaan bangunan dan landskapnya.

Namun, bertitik-tolak penaktarannya sebagai Wilayah Persekutuan pada tahun 2001, persekitaran lapang yang ada di Putrajaya mula rancang dibangunkan oleh pihak pemaju sebagai tarikan pelancongan dan rekreasi tanpa menjejaskan fitrah hijau sedia ada.

Menurut **Pengurus Hartanah**

Putra Perdana Development (PPD), Johari Jenon, inisiatif yang diambil pihaknya adalah selari dengan matlamat Perbadanan Putrajaya dalam memperkenalkan aktiviti riadah luar bagi menggalakkan gaya hidup lebih sihat.

"Setiap projek yang dikendalikan oleh PPD mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak perbadanan. Justeru, kami menerapkan konsep hijau dalam setiap binaan

atau projek yang dibangunkan. "Contohnya, projek kejiranan di Presint 16 dibangunkan menggunakan konsep resort urban. Binaan landskap semula jadi di sekeliling membuatkan penghuninya berasa seolah-olah tinggal di dalam taman yang luas," ujarnya sewaktu ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

Jelas Johari, kebanyakan kawasan kediaman di Putrajaya direka berkonsepkan rumah tanpa pagar. Halaman rumah pula

digalakkan semaian rumput dan tumbuh-tumbuhan hijau.

Antara projek perumahan yang dibangunkan oleh PPD di Presint 16 ialah Danau Suria dan Danau Mutiara. Di sekelilingnya pula terdapat trek berbasikal dan taman tasik yang turut dilengkapi dengan set mini kem bina diri sebagai alternatif riadah penghuni pada waktu lapang.

"Kami percaya persekitaran hijau bukan sahaja memberi suasana bekerja lebih tenang malah ia juga menggalakkan positifiti dalam kalangan masyarakat setempat," rumusnya.



JOHARI